

KHIND Sejuta Kenangan Raya 2024

Terma & Syarat Kempen

1) Penganjur

- (“Kempen”) “Sejuta Kenangan Raya 2024” dianjurkan oleh KHIND Marketing (M) Sdn Bhd. (442421-A) (“Penganjur”).

2) Tempoh Kempen

- Kempen diadakan dari 4 Mac 2024, 12:00:00 pagi sehingga 12 Mei 2024, 11:59:59 malam (merujuk kepada “Tempoh Kempen”).
- Penganjur berhak memendekkan atau memanjangkan Tempoh Kempen tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- Sebarang penyertaan sebelum/selepas Tempoh Kempen tidak akan diterima.

3) Kelayakan

- Kempen adalah terbuka kepada semua pemastautin Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas kecuali kakitangan KHIND Marketing (M) Sdn Bhd, syarikat dalam kumpulannya, agensi periklanan dan perhubungan awam, serta agensi gabungan termasuk peniaga dan kakitangan jualan, ejen dan ahli keluarga terdekat.
- Sekiranya mana-mana Peserta yang didapati tidak layak menyertai semasa atau selepas Tempoh Kempen, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan dan menarik semula hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut. Sekiranya Peserta gagal mematuhi kriteria kelayakan yang ditentukan oleh pihak Penganjur, Peserta bersetuju untuk bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi kepada pihak Penganjur untuk kos hadiah mingguan dan hadiah utama. Pihak Penganjur juga berhak mengambil sebarang tindakan yang perlu kepada Peserta terbabit.

4) Cara Penyertaan

- Kempen adalah terbuka kepada semua pelanggan dengan pembelian sah yang dilakukan dimana-mana kedai fizikal atau dalam talian atau melalui pengedar sah KHIND. Setiap penyertaan perlu memenuhi syarat pembelian mana-mana produk KHIND bernilai RM300 dan ke atas dalam **satu resit tunggal**.
- Pembelian produk berjumlah RM300 layak untuk 1 penyertaan (berpeluang memenangi cabutan bertuah mingguan atau hadiah utama).

- Bagi setiap pembelian Kipas Siling Siri ZenAir (CF56DC1R, CF56DC2R, CF56DC3RL, CF56DC4RL, CF56DC5R, CF56DC6RL), setiap pembelian satu unit layak untuk 2 penyertaan cabutan bertuah.
 - Contoh: Jumlah pembelian bernilai RM650 (terdiri daripada 2 unit Kipas Siling ZenAir dan 1 Pencincang Makanan, jumlah penyertaan adalah 6 (4 penyertaan daripada 2 unit Kipas Siling ZenAir dan 2 penyertaan daripada jumlah pembelian bernilai RM650).
- Bagi pembelian dalam talian, kelayakan penyertaan ditentukan berdasarkan harga akhir selepas diskauan dan tidak termasuk kos penghantaran.
- Berikut adalah contoh pengiraan jumlah penyertaan dan kelayakan untuk penyertaan serta penebusan.

CONTOH (Tanpa pembelian siri ZenAir):

Jumlah Pembelian	Penyertaan Cabutan Bertuah	Penebusan Hadiah Mingguan
RM299.99 dan ke bawah	Tidak layak untuk menyertai	Tidak layak untuk menyertai
RM300.00 - RM599.99	1 penyertaan	1 kali
RM600.00 - RM899.99	2 penyertaan	1 kali
RM900.00 - RM1,199.99	3 penyertaan	1 kali
RM1,200.00 - RM1,499.99	4 penyertaan	1 kali
RM1,500.00 - RM 1,799.99	5 penyertaan	1 kali

CONTOH (Termasuk pembelian siri ZenAir):

Jumlah Pembelian	Penyertaan Cabutan Bertuah		Bilangan jumlah penyertaan
	Pembelian mana-mana produk KHIND	Pembelian siri ZenAir per unit (1 unit = 2 penyertaan)	
RM299.99 dan ke bawah	Tidak layak untuk menyertai	2 penyertaan	2 penyertaan

RM300.00 - RM599.99	1 penyertaan	2 penyertaan	3 penyertaan
RM600.00 - RM899.99	2 penyertaan	2 penyertaan	4 penyertaan
RM900.00 - RM1,199.99	3 penyertaan	2 penyertaan	5 penyertaan
RM1,200.00 - RM1,499.99	4 penyertaan	2 penyertaan	6 penyertaan
RM1,500.00 - RM 1,799.99	5 penyertaan	2 penyertaan	7 penyertaan

- Peserta perlu layari khind.com.my/sejuta-kenangan-raya-2024 dan hantar butiran berikut di laman sesawang untuk menyertai Kempen:
 - I. Nama penuh (seperti yang tertera pada kad pengenalan)
 - II. Nombor telefon
 - III. Alamat e-mel
 - IV. Alamat penghantaran
 - V. Model produk dan nombor siri
 - VI. Gambar resit/invois yang jelas dan lengkap
- Hanya penyertaan yang lengkap sahaja layak untuk memenangi hadiah. Peserta hendaklah memastikan butiran yang diberikan dalam borang penyertaan adalah tepat, benar, terkini dan lengkap dengan resit/invois sah. Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan Peserta untuk sebarang kesilapan yang telah diisi oleh Peserta dalam borang yang dihantar.
- Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Kempen tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta.
- Peserta perlu memberikan maklumat peribadi yang sah dan lengkap terutamanya nombor telefon dan alamat e-mel, sekiranya sebarang maklumat diperlukan dalam proses hadiah penebusan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang nama atau alamat penghantaran tidak tepat yang diberikan.

5) Hadiah Kempen

- Setiap penyertaan berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah mingguan atau hadiah utama sepanjang Tempoh Kempen seperti berikut:
 - a. Cabutan Bertuah Mingguan x 10 Pemenang
 - x 8 RM100 e-Duit Touch ‘n’ Go Raya, atau
 - x 2 Ice Watches

b. Pemenang Utama x 1 Pemenang

- Penginapan 3 Hari 2 Malam (3D2N) di vila peribadi sekitar Lembah Klang. Lokasi spesifik akan dikongsikan secara peribadi kepada pemenang.
- Pemenang boleh membawa 5 ahli keluarga/kawan untuk turut serta.
- Tarikh: 29 Jun - 1 Julai 2024.
- Masa daftar masuk: 29 Jun 2024, 2:00:00 petang & masa daftar keluar: 1 Julai 2024, 12:00:00 tengah hari.
- Agenda: Aktiviti bebas dan santai, serta jamuan makan malam disediakan khas oleh Pemenang Anugerah Chef Selebriti, Chef Adu Amran yang juga pemilik Restoran Adu Sugar.
- Menu makan malam akan dikongsikan setelah pemenang memberi pengesahan kepada pihak Penganjur.
- Pihak Penganjur akan menanggung perbelanjaan pengangkutan pemenang seperti yang berikut:
 - Perjalanan dari Semenanjung Malaysia: Hanya menanggung bayaran tol dan minyak (dikira RM2 per kilometer) dari alamat berdaftar ke lokasi vila untuk perjalanan dua hala.
 - Perjalanan dari Sabah & Sarawak: Hanya menanggung tiket kapal terbang perjalanan dua hala untuk 6 orang serta bayaran tol dan minyak (dikir RM2 per kilometer) dari lapangan terbang ke vila untuk perjalanan dua hala.
- Cara pemilihan pemenang Hadiah Utama: Setiap minggu, seorang finalis akan disenarai pendek sepanjang 10 minggu Tempoh Kempen. Kesepuluh finalis ini perlu menjawab soalan khas daripada pihak Penganjur. Perkongsian jawapan paling menarik akan dinobatkan sebagai pemenang hadiah utama.
- Visual hadiah yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan hadiah yang sebenar.
- Pihak Penganjur berhak untuk menentukan, mengubah atau melanjutkan pengumuman pemenang tanpa memberi sebarang notis.
- Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

6) Proses Penebusan Hadiah

- Peserta akan dihubungi melalui panggilan telefon/WhatsApp atau medium bersesuaian yang ditentukan oleh pihak Penganjur selepas pengumuman pemenang.
- Mengikut butiran yang diberikan oleh Peserta yang sah, hadiah mingguan akan dihantar dalam masa enam (6) minggu dari tarikh pengumuman. Penghantaran ke Sabah dan Sarawak akan mengambil masa yang lebih lama bergantung kepada servis penghantaran. Pihak Penganjur akan menentukan kaedah penghantaran yang paling sesuai.
- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 013-4040 960 (WhatsApp) atau e- mel kepada campaign@khind.com.

Tarikh pengumuman pemenang:

Minggu	Tarikh	Tarikh Pengumuman Pemenang
Minggu 1	4 Mac - 10 Mac 2024	18 Mac 2024
Minggu 2	11 Mac - 17 Mac 2024	25 Mac 2024
Minggu 3	18 Mac - 24 Mac 2024	1 April 2024
Minggu 4	25 Mac - 31 Mac 2024	8 April 2024
Minggu 5	1 April - 7 April 2024	15 April 2024
Minggu 6	8 March - 14 April 2024	22 April 2024
Minggu 7	15 April - 21 April 2024	29 April 2024
Minggu 8	22 April - 28 April 2024	6 Mei 2024
Minggu 9	29 April - 5 Mei 2024	13 Mei 2024
Minggu 10	6 Mei - 12 Mei 2024	20 Mei 2024
Pengumuman pemenang hadiah utama		31 Mei 2024

Penghantaran hadiah: Dalam tempoh 6 minggu dari hari pengumuman.

7) Terma & Syarat Tambahan

- Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur mengenai dengan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan penebusan yang sah (jika ada) adalah muktamad. Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang surat-menyurat atau rayuan.
- Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak dapat dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan hanya akan disampaikan kepada pemenang yang layak.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang penangguhan maklumat dalam sebarang bentuk kepada para Peserta.
- Pihak Penganjur tidak akan menanggung mana-mana perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh Peserta selain perbelanjaan yang telah ditanggung dalam Kempen ini.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan dan/atau sebarang kejadian yang di luar jangkaan yang mungkin melibatkan kecederaan, kecacatan atau kematian Peserta akibat penyertaan dalam Kempen ini.
- Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menolak mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu pengendalian Kempen ini atau melanggar terma dan syarat ini.
- Sekiranya Kempen ini tidak dapat dijalankan atas sebarang alasan termasuk tetapi tidak terbatas pada jangkitan oleh virus komputer, bug, gangguan, campur tangan yang tidak dibenarkan, kegagalan teknikal, kegagalan rangkaian komunikasi, kegagalan perkakasan dan/atau perisian, kegagalan penghantaran, kegagalan talian internet dan/atau sebaliknya, pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama dan, pihak Penganjur boleh, dengan atau tanpa notis, melakukan keputusan yang dianggap sesuai termasuk membatalkan dan/atau menangguhkan Kempen ini.
- Pihak Penganjur, sekutu, anak syarikat, dan ejennya tidak akan bertanggungjawab atas perkara berikut:
 - i. Sebarang kegagalan teknikal;
 - ii. Campur tangan oleh pihak yang tidak dibenarkan semasa Tempoh Kempen;
 - iii. Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Kempen dan memproses penyertaan;

- iv. Sebarang kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, dihantar secara salah, atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaian atau kemungkinan secara sengaja dari pihak Penganjur.
- Semua Peserta bersetuju untuk memikul tanggungjawab dan bertanggungjawab sepenuhnya sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat atau yang bakal timbul daripada penyertaan mereka dalam Kempen, proses penebusan dan/atau semasa penggunaan hadiah yang diperoleh.
- Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menghentikan, atau menangguhkan Kempen pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan sebelumnya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penangguhan oleh pihak Penganjur, Peserta tidak berhak untuk membuat tuntutan atau pampasan terhadap pihak Penganjur atas sebarang atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami, atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung timbul dari atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan, atau penangguhan Kempen oleh pihak Penganjur.
- Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, menambah, atau menghapuskan mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Peserta dan para Peserta bersetuju untuk mematuhi dengan perubahan tersebut. Variasi tersebut dapat disampaikan melalui mod komunikasi yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur.
- Sekiranya terdapat sebarang kelainan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia (BM) dan Bahasa Inggeris (ENG) bagi terma dan syarat ini, keutamaan akan diberikan kepada versi Bahasa Inggeris yang akan dianggap sebagai muktamad dan mengikat di sisi undang-undang Malaysia.
- Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, dan menerima bahawa semua keputusan oleh pihak Penganjur adalah muktamad.

8) Data Peribadi

- Semua butiran penyertaan yang dihantar untuk Kempen ini akan menjadi hak milik pihak Penganjur.
- Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan, menerbitkan, mendedahkan, atau menampilkan nama, alamat, gambar, rakaman, butir-butir dan/atau mendokumen

semua Peserta untuk tujuan pengiklanan, promosi dan publisiti tanpa pampasan kepada Peserta (atau jika ada, wakil mereka yang sah).

- Perlindungan data peribadi menjadi perhatian penting bagi pihak Penganjur. Data peribadi yang dikumpulkan dalam borang penyertaan dan sebagaimana yang diberikan oleh Peserta untuk tujuan Kempen ini akan diproses sesuai dengan Notis Perlindungan Data Peribadi KHIND Marketing (M) Sdn Bhd. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan persetujuan kepada pihak Penganjur dalam memproses data peribadinya dengan cara yang dinyatakan dalam Notis Perlindungan Data Peribadi dan membenarkan pihak Penganjur untuk menghubungi Peserta mengenai Kempen ini. Peserta bakal menerima bahan pemasaran dan komunikasi daripada pihak Penganjur untuk acara, promosi, produk dan perkhidmatan, maklumat, dan aktiviti pemasaran dan promosi yang akan datang, ataupun boleh memilih untuk tidak ikut serta menerima komunikasi tersebut pada bila-bila masa dengan memilih pilihan "berhenti langganan" dalam komunikasi tersebut atau melalui hubungan.
- Peserta bersetuju bahawa pihak Penganjur berhak untuk mendedahkan maklumat Peserta sekiranya pihak Penganjur percaya bahawa pendedahan sedemikian diperlukan untuk mengenal pasti, menghubungi atau membawa tindakan undang-undang terhadap individu yang mungkin menyebabkan kerosakan atau mengganggu (sama ada secara sengaja atau tidak) dengan hak atau harta benda pihak Penganjur, yang boleh menyebabkan sebarang kerugian oleh aktiviti tersebut. Pihak Penganjur juga boleh mendedahkan data peribadi sekiranya diperlukan oleh mahkamah undang-undang atau badan lain yang berkaitan.
- Sila rujuk pautan di bawah untuk membaca lebih lanjut mengenai:-
[Dasar Privasi KHIND Malaysia](#)
[Akta Perlindungan Data Peribadi 2010](#)